



## **TEKS UCAPAN**

**Yang Berhormat**  
**Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia**  
**Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah**  
**Dato Paduka Haji Awang Othman**  
***Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Di Majlis Penyampaian Sijil Program Cintai Al-Quran,**  
**Majlis Perundingan Kampong**  
**RPN Kampong Panchor Mengkubau**

**Pada Hari Jumaat, 18 Rabiulawal 1441H**  
**Bersamaan 15 November 2019**

**Jam 8.00 Pagi**

**Bertempat Di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah**  
**Negara Brunei Darussalam**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat

Pg. Hj Mohamed bin Pg. Haji Osman

Ahli Majlis Mesyuarat, Ketua Kampong Masjid Lama, Pekan Muara, Kg. Sabun,  
Pelumpong dan Pemangku Ketua Kg. Serasa.

Yang Mulia

Awg. Hj Shamsol bin Hj Omar, Pemangku Pengarah Jabatan Pengajian Islam.

Yang Mulia

Awg. Misle bin Hj Abd Karim, Pegawai Daerah Brunei Dan Muara.

Yang Mulia

Pg. Hj Ismail bin Pg. Hj Ibrahim, Pemangku Penghulu Mukim Mentiri.

Yang Mulia

Awg. Mohammad Hilmy bin Haji Ahmad

Pemangku Ketua Kampong dan Pengerusi Majlis Perundingan Kampong  
Rancang Perumahan Negara Kg. Panchor

Yang Mulia

Dk. Rafidah binti Pg. Hj Metahir, Guru Besar Sekolah Ugama Pengiran Anak  
Puteri Azemah Nikmatul Bolkiah

Yang Mulia

Hj Mohammad Loqman Al-Hakim bin Hj Hamdan, Ketua Pegawai Eksekutif Al-  
Huffaz Management.

Yang Mulia

Haji Mohd Eddie Hardey Haji Ibrahim, Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan  
Kampong RPN Kampong Panchor Mengkubau.

Yang Mulia

Pegawai-pegawai kerajaan, Ketua-ketua Biro, Ahli Jawatankuasa, Guru-guru,  
Ibu Bapa dan Penjaga, dan hadirin hadirat sekalian.

## السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah wasysyukru Lillah. Kita memuji dan mensyukuri Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua kita bersama-sama berkumpul menghadiri Majlis Penyampaian Sijil Pengajian Program Cintai Al-Quran 2019.

Majlis pagi ini adalah kemuncak Program Cintai Al-Quran yang dilancarkan dalam bulan April, iaitu kira-kira lapan bulan yang lalu

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Majlis Perundingan Kampong RPN Kampong Panchor Mengkubau yang telah berganding bahu bersama Al-Huffaz Management mengungkapahkan Program Cintai Al-Quran bagi anak-anak yatim dan anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan khususnya di kawasan RPN Kampong Panchor Mengkubau.

Penghargaan dan tahniah tidak lupa juga saya tujukan kepada ibubapa dan penjaga pelajar-pelajar yang mengambil peluang keemasan ini sebagai satu suntikan semangat dan tapak permulaan anak-anak biskita untuk berjinak-jinak dengan Al-Quran.

Dan tentu sekali juga penghargaan daripada guru-guru pembimbingnya daripada Al-Huffaz Management, iaitu sebuah badan yang berjaya mengumpul ramai tenaga pengajar Al-Quran, pembimbing bahkan dalam aspek-aspek tertentu ianya menjadi pencetus idea dan program pembelajaran Al-Quran dan juga program dalam bidang ehwal keugamaan.

Sebenarnya kita ini samada secara individu atau secara berkumpulan memanglah sentiasa berdamping dengan Al-Quran. Lihat saja, kita menyimpan mushaf Al-Quran di rumah-rumah. Kita membacanya samada kerap kali atau sesekali secara bermusim. Namun yang pasti kita membaca ayat-ayatnya dalam sembahyang. Dan dalam majlis tahlilan pun kita membaca surah Yasin dan beberapa surah yang lazim. Itu buktinya kita ini sudah biasa mendampingi Al-Quran.

Maka dengan adanya Program Cintai Al-Quran ini ianya diharapkan akan memupuk kesedaran kepada diri kita bukan saja dikalangan kanak-kanak bahkan penuh bermakna lagi kepada kita untuk beramal dengan membaca Al-Quran, seperti pentingnya amal ibadat sembahyang dan bersedekah.

Firman Allah Ta'ala dalam surah al-Fathir ayat 29-30:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ  
تَجَرَّةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

**Tafsirnya:**

*Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa (melazimkan) membaca kitab Allah (Al-Quran) dan mendirikan sembahyang serta membelanjakan (bersedekah) sebahagian daripada rezeki yang Kami kurniakan kepada mereka sama ada secara bersembunyi-sembunyi atau secara berterang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang sekali-kali tidak akan rugi.*

لِيُؤْفِقَهُمُ أَجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۚ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

*Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan lagi limpah kurniaNya kepada mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Membalas dengan sebaik-baiknya (orang-orang yang bersukur kepadaNya).*

Sabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam :

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ الْم حَرْفٌ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَا مٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

**Maksudnya:**

*Barangsiapa yang membaca satu huruf dari al-Quran, dihitung baginya satu kebaikan, dan pahala satu kebaikan itu adalah sepuluh kali ganda. Aku tidak mengatakan ' Alif Laam Miim ' satu huruf melainkan Alif satu huruf, Laam satu huruf dan Miim satu huruf. [الكتاب: الجامع الكبير - سنن الترمذي]*

Saya difahamkan sekitar 50 pelajar-pelajar yang telah bersama-sama menjayakan program yang indah ini. Hampir 8 bulan kelas pengajian ini telah dijalankan dan ia adalah menjadi satu flatform khususnya anak-anak biskita bergerak kehadapan menimba ilmu dan mendalami lagi Al-Quran sebagai teman hidup mereka.

Dan seterusnya saya difahamkan dari seramai 50 orang itu hanya seramai 16 orang sahaja yang akan menerima sijil masing-masing, dalam tiga kategori,

iaitu 7 orang bagi kategori Iqra 1-3, 5 orang bagi kategori Iqra 4-5, dan 4 orang bagi kategori Al-Quran. Dan bagi setiap kategori itu seorang yang cemerlang.

Sehubungan itu juga, saya harap program ini tidak akan berakhir disini saja. Saya percaya Majlis Perundingan Kampong RPN Kampong Panchor Mengkubau tidak akan berhenti di sini. Saya yakin dan percaya susulan program ini sudah dirancang dan Insyaallah akan dapat diteruskan dari masa ke semasa yang mungkin akan diluaskan skopnya dengan pembelajaran membaca secara tarannum yang indah dengan lagunya.

Saya juga turut bangga dan berbesar hati bahawa program ini dapat menarik minat bukan saja dari kalangan ibubapa dan penjaga anak-anak yatim dan anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan bahkan juga dari kalangan penduduk kampong khususnya RPN Kampong Panchor Mengkubau. Ini juga adalah satu kejayaan kepada Majlis Perundingan Kampong RPN Kampong Panchor Mengkubau.

Pada masa yang sama, kepada ibubapa dan penjaga, berilah sokongan secara berterusan kepada anak-anak biskita demi kejayaan dimasa akan datang. Sokongan dan dokongan berterusan ini amatlah mustahak demi masa depan anak-anak biskita. Semoga usaha sebegini akan mendapat ganjaran dari Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan hadir dan berucap ini. Semoga kita sekalian sama-sama menambah amal salih dengan berfikir baik dan berbuat baik untuk diri kita, keluarga kita dan masyarakat senegara kita.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,  
16hb Rabiul awal 1440/ 13hb November 2019.